

'Ijazah' untuk 'pendekar2'

18 APR 1979

SENI Silat Gayung merupakan salah satu dari cabang kesenian pertahanan diri yang semakin terkenal dan sangat diminati oleh ramai masyarakat hari ini.

Perkembangan ini jelas ternampak dengan munculnya lebih banyak kelas-kelas bersilat di sana sini, termasuk di balai-balai rakyat.

Gambar oleh RAWI AHMAD menunjukkan upacara tamat latihan bagi sebahagian para penuntut Seni Silat

Gayung yang dianjurkan di balai rakyat Kemnet pada Isnin malam.

Guru silatnya, Encik Suni Rabi (kedua dari kiri) kelihatan menyampalkan 'ijazah' kepada salah seorang bellawanis yang mengikuti latihan seni silat itu.

Menunggu jawapan dari Kemuning

21 APR 1979

DUA minggu yang lalu saya telah membaca Druangan Nadi Bella di akhbar tuan. Dalam ruangan itu saya telah tertarik dengan satu jenis senisilat yang diberi nama "Silat Bandangan Asli".

Saya ingin menyertai silat ini dan telah menulis surat kepada penganjurannya, Persatuan Kemuning Singapura, untuk tujuan ini. Tetapi hingga hari ini saya masih lagi menunggu jawapan dari penganjurannya.

Saya harap pengerusi persatuan yang berkenaan dapat memberikan jawapan yang segera.

Belia Hampa.

S-faham di Ekspo: Perwanit jelaskan

1 pencak silat

SALAHFAHAM telah berlaku di kalangan setengah-setengah penonton seni silat di eksposisi perdagangan dianjurkan Perwanit di Woodlands, baru-baru ini.

Salahfaham tersebut terjadi bila para penonton yang menyaksikan persembahan silat dari salah sebuah kumpulan silat di sini, telah memekik-mekik dan menyatakan silat kebatinan yang sedang ditunjukkan itu adalah 'temberang'.

Saksikan

18 APR 1979

Kerana itu, juruacara yang mengendalikannya pertunjukan tersebut telah mempelawa mereka yang menyatakan silat itu adalah 'temberang' dan 'bohong' supaya naik ke pentas untuk melihat sendiri sama ada silat tersebut benar atau temberang.

"Juruacara itu tidak mencabar supaya penonton bertanding dan menunjuk kekuatan dengan anggota-anggota atau ketua kumpulan silat itu, tetapi hanya mempelawa naik dan menyaksikan sendiri dari dekat persembahan tersebut," kata Encik Johari Uriff, Yang Dipertua Perwanit, bila dihubungi semalam.

Dia menyatakan demikian ketika mengulas surat dari seorang pembaca yang menamakan dirinya 'Ahli Silat Kebatinan' yang disiarkan di akhbar ini Sabtu lalu.

Pembaca tersebut menarik perhatian bahawa dalam persembahan silat pada

25 Mac di eksposisi itu, berlaku insiden yang sungguh 'memalukan' bila ketua kumpulan silat itu mencabar para penonton supaya naik ke pentas.

Seorang pemuda naik dan menunjukkan kebolehannya.

Tiba-tiba ketua kumpulan tumbang dibuat oleh pemuda yang naik tadi hingga tempat itu menjadi heboh," kata Ahli Silat Kebatinan itu.

Bagaimanapun, Encik Johari telah menafikan perkara itu. Memang benar, katanya, pemuda itu naik, tetapi tidaklah pula hingga menumpaskan ketua kumpulan.

"Itu adalah satu perkara kecil. Sebenarnya insiden itu berakhir secara damai. Tidak ada ekornya setelah itu," kata Encik Johari.

Kerjasama

Menurut Encik Johari, pemuda yang naik ke pentas itu sebenarnya salah dengar, dan dia menyangkakan juruacara itu menyuruh penonton naik supaya beradu kekuatan dan menunjukkan bahawa dia (penonton) adalah benar.

"Salahfaham itu memang amat dikesali. Bagaimanapun, dalam pertunjukan silat yang kedua oleh kumpulan yang sama pada 8 April lalu, semuanya berjalan dengan baik dan licin," katanya.

Dia juga mengharapkan kerjasama dari semua pihak jika terdapat acara-acara seperti eksposisi itu.

Kursus

Hap
23 APR 1979
Ki Do

KUMPULAN Belia Balai Rakyat Tanglin akan menganjurkan kursus-kursus seni pertahanan diri Jepun, Hap Ki Do, mulai bulan depan.

Kursus itu akan dijalankan di pekarangan balai rakyat tersebut dan akan dipimpin oleh instruktornya, Encik Tony Tan.

Ita akan dijalankan setiap Selasa dan Jumaat dari 7.30 hingga 9.30 malam. Mereka yang berminat boleh menghubungi balai tersebut menerusi 513922.